

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2014/2015**

NAMA KURSUS : ASAS NOMBOR
KOD KURSUS : BBR 13003
KOD PROGRAM : 3BBR
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2014 / JANUARI 2015
JANGKA MASA : 3 JAM
ARAHAN : **JAWAB SEMUA SOALAN
BAHAGIAN A, B dan C.**
A. Bagi soalan S1 hingga S15, sila beri jawapan sama ada A atau B iaitu
A. Benar
B. Salah
B. Bagi soalan S16 hingga S50, sila beri jawapan dalam bentuk A, B, C dan D.
C. Jawab semua soalan

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **SEPULUH (10)** MUKA SURAT

SULIT

BAHAGIAN A

- S1 Teknik pengajaran guru yang betul membantu pelajar cemerlang dalam peperiksaan.
- S2 Refleksi pada akhir sesi pengajaran sangat penting untuk melaksanakan pengajaran akan datang.
- S3 Guru yang cemerlang adalah guru yang tidak mempunyai pelajar bermasalah dalam miskonsepsi.
- S4 Miskonsepsi pelajar merupakan satu petunjuk bahawa guru perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran.
- S5 Cara penulisan *vinculum* atau palang pecahan adalah seperti $\frac{2}{7}$.
- S6 Sistem angka perpuluhan Romawi mempunyai symbol 1,10,100,1000,5,50 dan 500.
- S7 Perkataan Bahasa Inggeris “money” berasal dari istilah bahasa Latin “moneta” yang bermaksud penghasilan emas.
- S8 Peningkatan sebanyak 300% bermakna jumlah akhir ialah 3 kali ganda asal.
- S9 Dalam bidang matematik, peratusan ialah cara menyatakan nombor sebagai satu pecahan 100.
- S10 Satu ratus dua peratus (102%) daripada RM500 ialah RM5100.
- S11 Ibu bapa harus dipanggil untuk menerangkan masalah yang sering dihadapi oleh anak-anak mereka di dalam kelas.
- S12 Sekitar 4,000 tahun dahulu, orang Mesir purba membahagi pecahan menggunakan sepunya terbesar dengan pecahan unit.
- S13 Sistem asal angka perpuluhan Eropah mempunyai simbol yang berbeza dengan sistem perpuluhan Hindu-Arab.

- S14 Wang tidak mempunyai nilai benar tetapi digunakan sebagai pengukur nilai alternatif mudah kepada sistem *barter*.
- S15 Pemanipulasian kadar pertukaran wang boleh digunakan untuk mengawal penawaran wang.

BAHAGIAN B

- S16 Manakah antara berikut merupakan kaedah pengajaran yang paling kurang sesuai bagi pelajar sekolah rendah?
- A Kaedah lawatan
 - B Kaedah permainan
 - C Kaedah main peranan
 - D Kaedah berpusatkan pelajar
- S17 Sebanyak 7 140 000 buah kereta diagihkan sama banyak kepada 100 pembekal. Berapakah bilangan kereta yang diperolehi setiap pembekal?
- A 704
 - B 714
 - C 7 140
 - D 71 400
- S18 Berikut merupakan aktiviti yang boleh menilai pelajar memahami pengajaran, kecuali
- A aktiviti soal jawab.
 - B aktiviti ujian dan kuiz.
 - C aktiviti menjalankan sesi temu ramah.
 - D aktiviti latih tubi, pemulihan dan pengayaan.
- S19 Manakah antara berikut merupakan strategi guru yang paling berkesan untuk menangani masalah miskonsepsi dalam pembelajaran?
- A Berikan latihan yang secukupnya
 - B Sediakan bahan pengajaran yang sesuai
 - C Berikan penerangan yang lengkap dan mudah difahami
 - D Sediakan bahan maujud yang sesuai dengan kemahiran pelajar

- S20 Yang manakah merupakan pecahan tidak wajar?
- A $15/4$
 - B $1/3$
 - C $5/5$
 - D $7/7$
- S21 Sistem angka perpuluhan menggunakan _____ sebagai nombor asas.
- A 1
 - B 10
 - C 100
 - D 1000
- S22 Manakah yang berikut setara dengan 5.5?
- A $22/4$
 - B $22/3$
 - C $44/8$
 - D $33/6$
- S23 Sekiranya RM 100 dibahagikan kepada 9 orang pelajar secara sama rata, berapaka baki yang tinggal?
- A 0 sen
 - B 1 sen
 - C 2 sen
 - D 3 sen
- S24 Bilangan pelajar di sebuah universiti meningkat kepada 5610, berbanding tahun lalu iaitu seramai 5100. Berapakah peratus peningkatan pelajar di universiti tersebut?
- A 1.000 %
 - B 0.100 %
 - C 10.000 %
 - D 0.001 %

S25 Penggunaan wang dalam masyarakat menggalakkan perkara yang berikut berlaku:

- I Perdagangan
- II Hutang
- III Kekayaan
- IV Peningkatan produktiviti

- A I dan II
- B I, II dan III
- C I, II dan IV
- D I, II, III dan IV

S26 Dalam bahasa Perancis, perkataan untuk wang adalah "*argent*" yang bermaksud

- A emas.
- B perak.
- C tembaga
- D loyang.

S27 Wang komoditi bermaksud

- A wang yang nilainya ditentukan oleh undang-undang.
- B wang yang digunakan sebagai medium pertukaran yang boleh didagangkan pada masa yang sama.
- C merupakan tuntutan terhadap orang dari segi fizikal atau undang-undang dan boleh digunakan untuk membeli barangan dan perkhidmatan.
- D tidak dapat dibayar dengan segera apabila diuntut dan terdapat sedikit unsur risiko nilai bayaran akan tidak sama dengan nilai yang dipersetujui semasa belian.

S28 Apakah pertimbangan yang perlu diambil oleh guru untuk memastikan kejayaan proses pembelajaran matematik menggunakan kaedah pembelajaran koperatif?

- I Mempunyai objektif pembelajaran yang jelas dan spesifik
 - II Memberikan arahan kerja yang jelas dan lengkap
 - III Membahagikan pelajar kepada kumpulan homogen
 - IV Mengatur kedudukan pelajar agar dapat berinteraksi secara bersemuka
- A I, II dan III
 - B I, II, dan IV
 - C II, III dan IV
 - D I, II, III dan IV

- S29 Siapakah yang memperkenalkan Teori Pembelajaran Penemuan?
- A Jean Piaget
 - B Gagne
 - C Jerome Bruner
 - D David Ausubel
- S30 Seorang pembekal buah-buahan mengeksport 250 875 biji nenas setiap bulan. Berapakah jumlah buah nenas yang dieksport oleh pembekal itu dalam setahun?
- A 2 508 750
 - B 3 050 235
 - C 3 010 500
 - D 3 100 500
- S31 Prinsip kanak-kanak mempelajari matematik mengikut pembelajaran Zoltan Dienes adalah seperti berikut kecuali
- A prinsip perubahan perseptual.
 - B prinsip konstruktiviti.
 - C prinsip dinamik.
 - D prinsip seragam.
- S32 Kesan pembelajaran Zoltan Dienes terhadap pembelajaran matematik dapat mewujudkan beberapa aktiviti seperti berikut kecuali
- A permainan bebas.
 - B permainan berstruktur.
 - C perwakilan struktur.
 - D perwakilan gambar.
- S33 Anantara berikut yang manakah tidak terlibat dengan urutan pembelajaran Gagne?
- A Mendapatkan perhatian
 - B Menilai pencapaian
 - C Menggalakkan ingatan kembali
 - D Tidak memaklumkan objektif
- S34 Proses pembelajaran yang diperkenalkan oleh Jean Piaget adalah seperti berikut kecuali
- A proses skema.
 - B proses adaptasi.
 - C proses akomodasi.
 - D proses asimilasi.

S35 Berikut adalah pernyataan yang benar mengenai peratus, kecuali

- A lebih 2% daripada 40 ialah 40.8.
- B lebih 20% daripada 40 ialah 48.0.
- C kurang 2% daripada 40 ialah 39.2.
- D kurang 20% daripada 40 ialah 8.0.

S36 Apakah dua jenis konsep penyusunan awal menurut David Ausubel?

- A. Perbandingan dan persamaan
- B. Perbandingan dan hafalan
- C. Persamaan dan ekspositori
- D. Perbandingan dan ekspositori

S37 Apakah nilai 115 % daripada 99?

- A 14.85
- B 113.85
- C 1485
- D 11385

S38 Apakah tahap umur kanak-kanak pada peringkat ikonik menurut Teori Jerome Bruner?

- A 0 – 2 tahun
- B 2 – 4 tahun
- C 5 – 7 tahun
- D 8 – 11 tahun

S39 Nyatakan pengkelasan konsep matematik menurut Zoltan Dienes.

- I Konsep matematik asas
 - II Konsep matematik tulen
 - III Konsep tatatanda
 - IV Konsep penggunaan
-
- A I, II dan III
 - B I, III dan IV
 - C II, III dan IV
 - D I, II dan IV

- S40 Peningkatan sebanyak _____ bermaksud jumlah akhir ialah 4 kali ganda nilai asal.
- A 300 %
 - B 400 %
 - C 500 %
 - D 600 %
- S41 Maksud 40% daripada 50 % adalah
- A 2 %
 - B 20 %
 - C 120 %
 - D 200 %
- S42 Pecahan $0.25/25$ ialah
- A 0.001 %
 - B 0.100 %
 - C 1.000 %
 - D 10.000 %
- S43 Jika anda memiliki 120 biji epal, anda memberi 25 % daripadanya kepada pelajar, berapakah biji epal yang tinggal?
- A 250
 - B 300
 - C 900
 - D 950
- S44 Pelajar lelaki dalam sebuah universiti adalah sebanyak 40 %. Jika terdapat 1500 pelajar lelaki, berapakah jumlah keseluruhan pelajar universiti tersebut?
- A 600
 - B 900
 - C 2100
 - D 3750
- S45 Antara berikut yang manakah tidak setara dengan 40%?
- A 0.04
 - B $40/100$
 - C 0.4
 - D $20/50$

- S46 Apakah tujuan fasa refleksi?
- A Menilai kefahaman murid dan idea.
 - B Mengenalpasti idea baru yang diubahsuai.
 - C Mengenalpasti kerangka alternative pelajar.
 - D Memotivasikan pelajar agar mereka terus berminat dalam pengajaran yang berlangsung.
- S47 Berikut merupakan prinsip pembelajaran kostruktivisme kecuali
- A pembelajaran adalah satu aktiviti social.
 - B pembelajaran adalah satu kontekstual.
 - C pembelajaran adalah konstruktiviti.
 - D pembelajaran memerlukan masa.
- S48 Konstruktivisme dapat diaplikasikan dalam pengajaran matematik melalui kaedah berikut kecuali
- A pelajar menulis hasil pengalaman mereka
 - B pelajar berbincang keputusan penyiasatan mereka
 - C pelajar berfikiran secara mencapah
 - D pelajar bergantung kepada guru
- S49 KBKK memerlukan penggalak untuk pembentukan kemahirannya dalam kalangan pelajar sekolah. Cadangan berikut bersesuaian untuk dijadikan penggalak kepada pelajar orang asli pada masa sekarang, kecuali
- A bahan pengajaran yang menyumbang ke arah berfikir perlu dibekalkan ke sekolah.
 - B kesedaran tentang kepentingan kemahiran berfikir perlu didedahkan kepada pentadbir dan penyelia sekolah.
 - C persekitaran merupakan elemen paling penting KBKK, maka, ibubapa pelajar perlu dihantar ke luar negara untuk pendedahan dan amalan yang sudah bukti kejayaannya.
 - D budaya kerja sekolah bercorak kepada penglibatan semua pihak yang berkepentingan untuk membuat keputusan bagi pihak sekolah dan seterusnya budaya ini menjadi teladan kepada generasi muda.
- S50 Profesor Ungku Aziz telah menyatakan bahawa “Jika semua orang berfikiran yang sama, maka tiada siapa akan berfikir”. Berdasarkan kenyataan tersebut, nyatakan kemahiran mikro pemikiran kreatif.
- A menjana dan menghasil idea
 - B meneroka wawasan
 - C mencipta metafora
 - D mencipta analogi

BAHAGIAN B

S1 Pengetahuan kandungan pedagogi (PCK) merupakan perkara asas yang wajib diketahui oleh semua guru.

(a) Jelaskan maksud PCK.

(4 markah)

(b) Senaraikan proses pembinaan pengetahuan kandungan pedagogi (PCK) menurut Shulman 1987

(6 markah)

(c) Terangkan miskonsepsi pelajar tentang nombor bulat beserta contoh dan cara mengatasinya.

(15 markah)

S2 Wang merupakan sesuatu objek yang diterima masyarakat dan sah di sisi undang-undang sebagai alat pertukaran dalam urusan jual beli dan urusan niaga.

(a) Jelaskan definisi wang fiat.

(5 markah)

(b) Terangkan kesan penggunaan wang fiat terhadap ekonomi dan masyarakat.

(20 markah)

- SOALAN TAMAT -